

10/12/2012 - Majlis Khidmat Bakti Bil 2/2012

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YBhg. Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri,

YBhg. Dato' Sri-Dato' Sri dan Datin Sri-Datin Sri,

YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Dif-dif yang diraikan,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya dapat kita bersama-sama dalam majlis untuk meraikan rakan-rakan kita yang bersara, tamat lantikan kontrak dan pegawai-pegawai kanan yang baru dinaikkan pangkat.
2. Bagi pihak Kerajaan dan Perkhidmatan Awam, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi **penghargaan kepada rakan-rakan yang telah banyak berjasa dan berbakti** kepada perkhidmatan awam dan negara. Sesungguhnya kehadiran rakan-rakan semua dalam Perkhidmatan Awam akan dikenang dan disimpan sebagai satu lipatan sejarah penting Perkhidmatan Awam negara.
3. Begitu juga ucapan **syabas dan tahniah kepada pegawai yang telah dilantik** ke jawatan tinggi Kerajaan. Lantikan ini merupakan satu pengiktirafan dan kepercayaan kepada tuan-tuan dan puan-puan sebagai bakal pemimpin untuk menjalankan tugas dengan penuh amanah, integriti dan dedikasi.

"Success on any major scale requires you to accept responsibility. In the final analysis, the one quality that all successful people have is the ability to take on responsibility." — Michael Korda (Editor-in-Chief, Simon & Schuster)

DUNIA BARU PERSARAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sudah menjadi hukum alam, yang datang dan pergi silih berganti. Begitulah juga dengan kita selaku penjawat awam, setelah lebih 30 tahun mencurahkan bakti, sampai masanya kita perlu meninggalkan perkhidmatan yang amat bermakna buat kita. Memasuki satu lagi alam baru pastinya mengundang pelbagai reaksi, rasa kerisauan dan debaran menjadi seorang pesara. Persaraan bukan hanya meninggalkan satu keadaan yang selesai tetapi juga persekitaran yang lazim untuk memulakan sesuatu yang baru. Berada di dalam persekitaran baru sudah pasti akan mendatangkan perubahan-perubahan dari segi pemikiran, emosi dan tingkah laku. Sekiranya perubahan-perubahan ini tidak difahami dan dikawal, ia akan menyebabkan kemudaratan kepada individu, seperti kebimbangan yang melampau, depresi dan lain-lain masalah psikologi. Justeru itu, penting untuk tuan-tuan dan puan-puan terus **mengambil berat terhadap kesihatan diri terutamanya berkaitan pengurusan emosi dan fizikal.**

5. Bagi rakan-rakan yang bakal bersara, pastinya ada yang telah dilamar untuk terus berbakti kepada negara dan ada juga yang telah merangka sebelum bersara apa yang ingin dilakukan. Apa pun perancangannya, kita seharusnya berpandangan positif bahawa tempoh persaraan menjadi ruang untuk menerokai pelbagai perkara baru (*explore new things*) dan meneruskan minat yang jarang-jarang dapat dibuat ketika bekerja dahulu. Kadangkala timbul juga kerisauan terhadap masa-masa lapang yang ada semasa bersara kelak. Bagi mereka yang sudah biasa bekerja, bersara dan berehat di rumah mungkin menjadi sesuatu yang sukar dilakukan. Justeru, saya sarankan kepada tuan-tuan dan puan-puan agar **terus menyumbang bakti kepada masyarakat melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan atau menyertai badan-badan bukan kerajaan.** Tuan-tuan dan puan-puan boleh terus aktif di qariah tempat tinggal masing-masing untuk bersama memanfaatkan masa dan pengalaman yang ada. Bagi yang berminat untuk berkhidmat kepada rakyat secara langsung, bidang politik mungkin merupakan salah satu cabang pengisian masa yang sesuai.

6. Bagi yang minat menulis, tuan-tuan dan puan-puan juga boleh mula menulis memoir atau autobiografi sebagai sumber rujukan, baik untuk pegawai awam atau anak-anak kita di masa hadapan. Sesungguhnya pengalaman dan *tacit knowledge* yang ada pada tuan-tuan dan puan-puan tidak boleh ditukar ganti, hatta dengan wang ringgit sekalipun kerana apa yang dilalui dan dirasai sepanjang lebih 30 tahun berkhidmat tidak akan sama dengan yang melihat atau mendengarnya sahaja. Untuk melahirkan pegawai awam yang *educated* dan *enlightened*, pengetahuan bukan hanya dapat ditimba dari buku-buku akademik, malahan boleh dikutip dari kisah-kisah dan pengalaman kejayaan dan kerjaya seseorang. Oleh itu, saya syorkan tuan-tuan dan puan-puan untuk **menzahirkan pengalaman dan pengetahuan berkenaan dalam bentuk penulisan kreatif.**

MEMENUHI ASPIRASI KERAJAAN DAN MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang dilantik ke jawatan tinggi kerajaan suka saya mengingatkan tanggung jawab berat yang akan dipikul dalam melaksanakan program-program yang telah ditetapkan. Tuan-tuan dan puan-puan bertanggungjawab sepenuhnya

untuk memastikan semua aspirasi kerajaan dapat dilaksana dengan berkesan dan berkualiti. YAB Perdana Menteri telah menggariskan 6 prinsip iaitu Cepat, Tepat dan Integriti (CTI) serta Produktif, Inovatif dan Kreatif (PCI) sebagai amalan penjawat awam dalam memenuhi kehendak rakyat.

“TURUN PADANG”

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Dekad ini juga kita menghadapi pelbagai permasalahan kesihatan fizikal mahupun mental. Kajian oleh Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA pada akhir tahun 2011 berkaitan stres dalam perkhidmatan awam menunjukkan 27% daripada 2807 responden mengalami tahap stres tinggi dan 67.1% mengalami tahap stress sederhana. Agak mengejutkan juga apabila 4.3% daripada responden menyatakan kerap timbul rasa untuk membunuh diri. Masalah ini jika tidak diatasi dengan berkesan akan memudaratkan pegawai awam dan akhirnya akan mengugut sistem penyampaian perkhidmatan awam.

9. Pada masa yang sama saya mengharapkan tuan-tuan dan puan-puan selaku pemimpin agar lebih prihatin tentang kesejahteraan psikologi pegawai di agensi masing-masing. Dalam hubungan ini, aktiviti “turun padang” adalah pendekatan terbaik yang boleh dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk melihat kesejahteraan rakyat bahkan juga melihat keadaan penjawat awam di agensi masing-masing. Tuan-tuan dan puan-puan perlu mendapatkan cerita-cerita “*first hand*” dari pegawai masing-masing, lihatlah suasana tempat mereka bekerja dan dekatilah mereka, atau walaupun hanya dengan sekadar bertanya khabar, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang “turun padang” sedikit sebanyak dapat mengurangkan rasa tertekan dan timbul rasa dihargai oleh ketua masing-masing.

CABARAN KEPIMPINAN DAN IKTIBAR DARI PENGURUSAN DUNIA MAJU

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, di saat hampirnya pemilihan Presiden baru Negara Amerika, mereka telah dilanda ribut Sandy akhir Oktober lalu. Ribut ini telah menyebabkan 15 buah negeri besar mereka seperti Massachusetts, New York, Rhode Island, New Jersey dan Pennsylvania rosak teruk dan meragut banyak nyawa. New York sebuah kota Kosmopolitan yang sentiasa sibuk dan “*lively*”, tiba-tiba sunyi dalam sekelip mata. Kejadian ini juga menyebabkan lebih 100 deretan rumah di Queens telah terbakar kerana tiupan angin kencang. Begitu juga keindahan panorama Maine hancur oleh kerana ribut ini. Dalam keadaan huru hara ini, pihak kerajaan Amerika telah mengambil tindakan pantas memberi amaran dan mengosongkan kawasan-kawasan bahaya. Jika tidak, sudah pasti lebih banyak nyawa akan terkorban. Begitupun, pihak penyelamat di sana menghadapi kesukaran kerana masih ada yang tidak mahu berpindah kerana tidak percaya bahawa bandar mereka akan rosak dek kerana ribut besar. Apabila pihak penyelamat tidak dapat tiba pada masanya dan keadaan sukar dikawal, kerajaan dikeji kerana tidak cekap bertindak.

11. Iktibarnya kepada kita, sebagai seorang pemimpin agensi kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan perlu bersedia dalam menghadapi apa jua bentuk cabaran. Di saat perkhidmatan awam dipuji mahupun dicaci, jangan kita cepat melatah. Ada juga ketikanya pegawai awam tidak dapat menerima teguran dan hakikat bahawa kadang kala kita juga melakukan kesilapan. Dalam perkhidmatan awam kita telah menghadapi saat turun naik kerana pelbagai peristiwa dan polisi yang kita laksanakan. Oleh itu, laksanakan tugas tuan-tuan dan puan-puan dalam apa jua keadaan dengan penuh bijaksana dan rasional. *Be prepared mentally and physically to sail your ship to the right direction. For a captain who fail to sail the ship back to shore, is not worth leading the ship.*

Di saat berhadapan dengan cabaranlah kita dapat melihat berjaya atau tidaknya kita sebagai pemimpin.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sekali lagi saya ingin mengucapkan selamat bersara dan terima kasih di atas khidmat bakti dan jasa tuan-tuan serta puan-puan dalam memaju perkhidmatan awam selama ini. Sumbangan dan usaha tuan-tuan dan puan-puan akan terus kami kenang. Semoga tuan-tuan dan puan-puan terus dikurniakan kesihatan yang baik dan rezeki yang melimpah ruah oleh Allah Subhana Taala. Kepada rakan-rakan yang telah menerima tanggungjawab sebagai pegawai tinggi kerajaan, saya mendoakan selamat melaksanakan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan integriti serta dikurniakan kekuatan untuk meneruskan kegemilangan penyampaian perkhidmatan awam.

12. Akhir kata, marilah kita sama-sama meraikan malam ini dan semoga ia dikenang sebagai sebuah kenangan manis yang bersejarah, sepanjang perkhidmatan kita semua.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalam'alaikum Warahmatullah Wabarakatuh